

# Stadium Felda siap Ogos depan

Oleh ATIKAH DALI  
atikah.mohddali@kosmo.com.my

**STADIUM** bola sepak pasukan Felda United di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun ini.

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, stadium berkenaan yang memulakan pembinaan April tahun 2013 kini berada pada fasa akhir.

"Semuanya berjalan lancar. Saya menjangkakan bulan Ogos atau September (depan) ia sudah boleh siap. Paling lewat bulan Oktober boleh digunakan," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Kad FU4U Siswa di Kompleks Sukan Tuanku Najihah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai kelmarin.

Mohd. Isa yang juga penaung Felda United memberitahu, pihaknya akan mendapatkan pandangan daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sebelum perlawanan dijalankan di stadium berkenaan.

"Kita akan meminta FAM memberi laporan sebelum stadium berkenaan boleh digunakan secara rasminya," katanya.

Mengulas mengenai prestasi Felda United pada kempen Liga Malaysia, Mohd. Isa menjelaskan, beliau berpuas hati dengan persembahan yang dipamerkan oleh anak-anak buah Irfan Bakti itu.

"Saya lihat dari segi standard dengan pasukan lain, lebih kurang sama, kita juga mempunyai pasukan yang mantap. Saya



MOHD. ISA (tengah) menyampaikan replika kad FU4U kepada Presiden Majlis Perundingan Persada Kebangsaan, Athirah Jaafar (kanan) semasa majlis pelancaran kad tersebut di Nilai kelmarin.

percaya kalau kita menang selepas ini, kita dapat melonjak ke kedudukan teratas.

"Tambah pula perlawanan baru memasuki pusingan pertama. Yang penting adalah ketahanan supaya pasukan boleh bertahan hingga ke penghujung liga. Itu sesuatu yang sangat penting yang mesti dibentuk oleh pemain," kata beliau.

Pembinaan stadium yang menelan kos RM87.9 juta itu diumumkan oleh Perdana

Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan sambutan Hari Penerimaan di Bandar Tun Abdul Razak di Jengka pada Julai 2011.

Pasukan Felda United kini beraksi dalam Liga Super dan tidak mempunyai stadium khusus sebagai gelanggang sendiri. Mereka kini berkongsi Stadium Majlis Perbandaran Selayang dengan pasukan Sime Darby.